



12 November 2021
12 November 2021
P.U. (A) 415

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 12) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 12) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 12) 2021

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 516/2021 yang disiarkan pada 26 Oktober 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 12) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2021.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Kenderaan</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
Laluan 252, Jalan Gunung Jerai bermula dari seksyen 0.00 hingga seksyen 11.00 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Semua kenderaan kecuali—	15 November 2021 hingga 31 Disember 2022
	(a) kenderaan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia	
	(b) kenderaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	
	(c) kenderaan Pejabat Daerah Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, Majlis Perbandaran Sg. Petani dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	
	(d) kenderaan Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad	
	(e) kenderaan THB Maintenance Sdn. Bhd.	